



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - AHAD, 31 OGOS 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



31/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	BULI PERLU DILIHAT SEBAGAI ISU KESIHATAN MENTAL		POSITIF
	https://sabahmedia.com/2025/08/30/buli-perlu-dilihat-sebagai-isu-kesihatan-mental/	SABAHMEDIA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	BULI: POLIS KELANTAN TERIMA LEBIH LIMA LAPORAN DALAM MASA 2 MINGGU		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1258376/buli-polis-kelantan-terima-lebih-lima-laporan-dalam-masa-2-minggu	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	POLIS TAHAN BAPA ROGOL ANAK TIRI		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2025/08/polis-tahan-bapa-rogol-anak-tiri/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1258410/polis-tahan-peniaga-disyaki-rogol-anak-tiri	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/08/30/guru-nampak-murid-murung-rupanya-di-rumah/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	GURU LELAKI DIREMAN ENAM HARI, DISIASAT ATAS CUBAAN MEMBUNUH ISTERI		NEGATIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guru-lelaki-direman-enam-hari-disiasat-atas-cubaan-membunuh-isteri-536423	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/745797/berita/semasa/guru-lelaki-direman-6-hari-disiasat-atas-cubaan-membunuh-isteri	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/guru-lelaki-kelar-leher-isteri-direman-enam-hari/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Buli Perlu Dilihat Sebagai Isu Kesihatan Mental

By editor01 August 30, 2025



KUALA LUMPUR– Isu buli kini menjadi perhatian seluruh negara, dibincangkan dari kedai kopi hingga ke Dewan Rakyat, melibatkan pelbagai aspek termasuk perundangan, pencegahan dan pemulihan .

Minggu lalu, Sekretariat Gerakan Anti Buli (GAB) menggesa kerajaan menggubal Akta Anti-Buli khusus bagi menangani kes buli tanpa bergantung kepada peruntukan undang-undang lain. Menurut GAB, undang-undang sedia ada tidak mencukupi untuk membendung budaya buli yang semakin berakar umbi. GAB merupakan gabungan peguam dan NGO .

Beberapa hari kemudian, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) mengakui tiada definisi khusus atau hukuman jelas berkaitan kesalahan buli dalam undang-undang sedia ada. Beliau memaklumkan kerajaan sedang meneliti keperluan penggabungan Akta Anti-Buli termasuk penubuhan tribunal untuk mendengar kes melibatkan pelajar dan kanak-kanak .

Statistik Buli di Sekolah dan IPT

Kemarahan masyarakat meningkat apabila banyak kes buli dilaporkan di sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), termasuk yang membawa kepada kecederaan dan kematian. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia mendedahkan, setakat Oktober 2024, terdapat 6,208 kes buli direkodkan di sekolah berbanding 6,528 kes (2023), 3,883 (2022) dan 326 (2021). Puratanya, 21 kes dilaporkan setiap hari sepanjang Januari–Oktober 2024 .

Bagi IPT pula, Menteri Pendidikan Tinggi memaklumkan sebanyak 31 kes buli dilaporkan dalam tempoh 2014–2025 di lapan universiti awam, melibatkan kes buli fizikal dan siber .

Namun, pemerhati berpendapat angka sebenar mungkin lebih tinggi kerana ramai mangsa tidak melaporkan kes akibat rasa takut atau malu .

Buli dan Kaitannya Dengan Kesihatan Mental

Perbincangan umum ketika ini banyak menjurus kepada aspek perundangan dan hukuman, namun aspek pencegahan juga perlu diberi perhatian selaras dengan prinsip “mencegah lebih baik daripada merawat”. Isu buli wajar ditangani sebagai masalah kesihatan mental kerana punca utama sering berkait dengan persekitaran rumah, pengaruh rakan sebaya, role model serta penggunaan media sosial .

Laporan National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2023 mendedahkan hampir sejuta kanak-kanak berusia 5–15 tahun menghadapi masalah kesihatan mental, meningkat dua kali ganda daripada 424,000 (2019) kepada 922,318 (2023). Bagi populasi berusia 16 tahun ke atas, satu juta orang (4.6%) dilaporkan mengalami kemurungan, manakala kes bunuh diri meningkat daripada 981 (2022) kepada 1,087 (2023) .

Tinjauan Kesihatan Remaja (AHS) 2022 oleh KKM turut merekodkan peningkatan pelajar yang mempunyai idea membunuh diri daripada 10% (2017) kepada 13.1% (2022), melibatkan 33,523 pelajar di 239 sekolah menengah.

Selain itu, kajian UNICEF pada 2022 di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kuala Lumpur dan Selangor mendapati 12.3% kanak-kanak serta remaja mengalami masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan kebimbangan, manakala 13.4% pernah terfikir untuk mencederakan diri atau membunuh diri .

TINGKAH LAKU PELAJAR CENDERUNG RAGUT NYAWA SENDIRI

Tingkah laku	2017	2022
Ada idea untuk bunuh diri	10%	13.1%
Merancang bunuh diri	7.3%	10%
Percubaan bunuh diri	6.9%	9.5%
Mengalami masalah murung	18.3%	26.9%
Rasa sunyi	9.3%	16.2%

Sumber: Tinjauan Kesihatan Remaja (AHS) oleh Institut Kesihatan Umum KKM 2017 & 2022

Usaha Kerajaan Menangani Isu Mental

Menyedari masalah ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menubuhkan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) pada Oktober 2022, manakala penubuhan Institut Kesihatan Mental diumumkan Perdana Menteri pada September 2023 bagi memperkasa usaha kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan masyarakat sivil .

Namun, cabaran besar dihadapi negara adalah kekurangan pakar. Pada November 2024, jumlah pakar psikiatri berdaftar hanya 623 orang, dengan KKM menyasarkan peningkatan kepada 720 menjelang 2025 bagi mencapai nisbah 1 pakar untuk setiap 50,000 penduduk .

Selain itu, nisbah kaunselor kini 1:1,000 penduduk, dianggap tidak mencukupi. Talian Kasih kendalian KPWK menerima lebih 500 panggilan sehari berkaitan tekanan, penderaan dan isu kewangan. Setakat Ogos 2024, terdapat 11,790 kaunselor berdaftar di Lembaga Kaunselor Malaysia, dengan sasaran nisbah lebih kecil menjelang 2040 .

Kesimpulan

Statistik menunjukkan isu kesihatan mental berpotensi menjadi penyakit kedua tertinggi selepas sakit jantung menjelang 2030. Justeru, menangani kes buli memerlukan pendekatan menyeluruh yang menekankan pencegahan dan pemulihan di samping aspek perundangan, agar masalah ini tidak terus menular dalam kalangan generasi muda .

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Buli: Polis Kelantan terima lebih lima laporan dalam masa 2 minggu

Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my



Mohd Yusoff Mamat

Bachok: Polis Kelantan sudah menerima lebih daripada lima laporan kes buli di seluruh negeri dalam tempoh dua minggu.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat berkata, sejak kes buli yang membabitkan pelajar Tingkatan Satu, Allahyarham Zara Qairina Mahathir, tular di media sosial, semakin ramai individu tampil untuk membuat laporan mengenai kes buli berbanding sebelum ini.

Beliau berkata, kejadian berkenaan menyedarkan banyak pihak, terutama pelajar dan ibu bapa betapa seriusnya kesalahan buli yang sering dianggap ringan oleh sesetengah orang.

"Selain buli fizikal, kes buli siber juga semakin mendapat perhatian, malah ramai yang sebelum ini tidak memahami kesan buli sudah berani untuk tampil melaporkan kes buli yang berlaku.

"Peningkatan laporan ini menunjukkan kesedaran yang semakin mendalam dalam kalangan masyarakat mengenai bahayanya buli dan kesan jangka panjang terhadap mangsa," katanya selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Kuda Lasak Peringkat Negeri Kelantan 2025 di Kubang Golok, Bachok, di sini, hari ini.

Katanya, setiap sekolah di Kelantan sudah mempunyai pegawai perhubungan sekolah yang bekerjasama dengan polis dalam menangani masalah sosial.

"Selain kempen memerangi dadah, saya juga menguar-uarkan isu sosial lain yang semakin membimbangkan, termasuk kes rogol bawah umur dan gejala LGBT yang semakin meningkat di negeri ini.

"Kini, semakin banyak sekolah yang tampil meminta bantuan untuk mengadakan ceramah kesedaran mengenai buli, rogol, dan isu sosial lain. Hal ini sekaligus menunjukkan bahawa masyarakat semakin peka dan berkeinginan untuk memainkan peranan dalam melindungi generasi muda daripada terjebak dalam masalah sosial.

"Malah, di masjid-masjid mukim, kami turut melantik pegawai perhubungan masjid yang terdiri daripada pegawai dan anggota polis untuk mengadakan sesi penerangan kepada komuniti setempat mengenai pentingnya menjaga keharmonian sosial serta melindungi golongan muda daripada terjebak dalam perbuatan tidak bermoral," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis tahan bapa rogol anak tiri



Oleh OTHMAN YAHAYA 30 Ogos 2025, 12:47 pm

SUNGAI PETANI: Seorang lelaki berusia 32 tahun ditahan polis kerana disyaki terlibat dalam kes rogol anak tiri berusia 13 tahun, di sini malam tadi.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Hanyan Ramlan berkata, perbuatan suspek terbongkar selepas mangsa menceritakan perkara itu kepada gurunya yang membuat laporan polis kelmarin.

Katanya, mangsa dilihat berada dalam keadaan murung dan suka menyendiri sejak kebelakangan ini sebelum seorang guru mendekati dan meminta mangsa menceritakan kenapa dia berkeadaan demikian.

"Mangsa menceritakan dia trauma kerana telah beberapa kali dirogol bapa tirinya itu di rumah mereka semasa ketiadaan ibunya. Bertindak atas maklumat itu kita kemudian menahan lelaki itu di rumah mereka di Gurun, semalam," katanya.

Menurut Hanyan, mangsa merupakan anak bongsu daripada empat beradik, manakala ibunya seorang suri rumah.

Katanya, suspek mempunyai empat anak lagi hasil perkahwinan pertamanya sebelum berkahwin dengan ibu mangsa beberapa tahun lalu.

Tambahnya, mangsa dihantar untuk pemeriksaan di Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) manakala bapa tirinya direman selama tujuh hari untuk membantu siasatan di bawah Seksyen 376 (3). – [UTUSAN](#)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru lelaki direman enam hari, disiasat atas cubaan membunuh isteri



Dewi Nur Harasha Alias
30/08/2025 | 11:10 MYT



Suspek kelihatan tenang ketika tiba di pekarangan mahkamah pada jam 9.13 pagi, diiringi anggota polis.
- Astro AWANI

BALIK PULAU: Seorang guru lelaki yang didakwa mengelar leher isterinya dengan sebilah pisau pada Rabu lalu telah direman selama enam hari bagi membantu siasatan.

Perintah reman bermula hari ini hingga 4 September depan, dikeluarkan oleh Majistret Zaireen Zainudin di Mahkamah Balik Pulau selepas permohonan dikemukakan oleh pihak polis.

Terdahulu, suspek berusia 30 tahun yang memakai kema-T dan berbalut di tangan kiri kelihatan tenang ketika tiba di pekarangan mahkamah pada jam 9.13 pagi, diiringi anggota polis.

Dalam prosiding hari ini, tertuduh diwakili oleh peguam Yazid Khairul Azman dan Muhaimin Hashim.

Kes disiasat di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan kerana cubaan membunuh.

Menurut laporan media, suspek bertindak mengelar dirinya sendiri selepas mengelar leher isterinya yang juga seorang guru, dalam bilik tidur rumah mereka di Taman Tunas Muda, Sungai Ara.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Asisten Komisioner Sazalee Adam berkata, suspek telah dirujuk ke Wad Psikiatri di Jalan Perak untuk menjalani pemeriksaan susulan.

Siasatan awal mendapati insiden berpunca daripada tekanan kewangan yang dialami suspek, termasuk hutang pinjaman bank bagi pelaburan saham serta bayaran ansuran pembelian barangan melalui platform e-dagang.